Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

### **17. LAD (GANTIRUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN)**

- a) Kadar Denda Dan Gantirugi Ditetapkan atau LAD (*Liquidated Ascertained Damage*) adalah satu kadar denda yang akan dikenakan terhadap pihak kontraktor sekiranya gagal menyiapkan projek dalam masa yang telah ditetapkan atau tempoh Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) telah berakhir. Walaubagaimanapun, LAD hanya boleh dilaksanakan terhadap kontraktor sekiranya Sijil Perakuan Kerja Tak Siap (CNC) telah dikeluarkan.
- b) Formula pengiraan LAD adalah seperti berikut:

$$\text{LAD} = \frac{\text{Prime Rate (PR)}}{365 \text{ hari}}$$

Kadar PR adalah bergantung kepada *Base Lending Rate* (BLR) atau Kadar Pinjaman Asas yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan tempatan seperti Maybank, CIMB, Public Bank dan lain-lain lagi.

### **18. IKLAN DAN PUBLISITI**

Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat- syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

### **4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5. PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

### **6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

### **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

### **8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

## **10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

### **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

## **12. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

## **13. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

## **14. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### **15. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### **16. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### **17. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

## SKOP KERJA

### 1.0 PENDAHULUAN

Seksyen ini menggariskan secara ringkas skop kerja bagi **KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN UBAH SUAI RUANG DI PEJABAT MENTERI KEWANGAN II, BANGUNAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA**. Penyebut harga hendaklah bertanggungjawab untuk menyampaikan sistem kerja yang sistematik termasuk kelengkapan dan peralatan, tenaga kerja, membekalkan semua bahan dan pemasangan lengkap, kebersihan dan keselamatan orang awam.

### 2.0 TANGGUNGJAWAB PENYEBUT HARGA/KONTRAKTOR

Penyebut harga perlu juga mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memenuhi keperluan berikut:

#### 2.1 Skop Kerja

Kontraktor adalah bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja seperti yang dinyatakan pada 'Huraian Kerja' dalam Ringkasan Sebut Harga dengan memenuhi keperluan Spesifikasi Piawai, Spesifikasi Addenda dan Lukisan yang ditetapkan dalam Dokumen Sebut Harga ini.

#### 2.2 Tempoh Kontrak

Tempoh kontrak bagi kerja-kerja ini ialah selama **lima belas ( 15 )** minggu sahaja.

Walau bagaimanapun, Pegawai Inden berhak untuk menamatkan kontrak ini lebih awal dari tempoh kontrak sekiranya prestasi penyebutharga tidak mencapai tahap yang memuaskan.

#### 2.3 Masa Kerja

Masa bekerja ialah dari jam 8 pagi hingga ke jam 10 malam, seperti yang dibenarkan oleh Pegawai Inden.

Penyebut harga perlulah memastikan harga yang akan dimasukkan ke dalam Borang Sebut Harga termasuk kos harga untuk bayaran lebih masa yang diperlukan.

Jika terdapat sesuatu acara atau tugas yang melibatkan kerja menanggal/memasang di luar masa kerja yang ditetapkan (jika perlu), maka penyebut harga perlulah bersedia pada bila-bila masa untuk melaksanakan kerja tersebut.

#### 2.4 Hari dan Waktu Kerja

Kerja-kerja pembinaan hendaklah dijalankan pada setiap hari bekerja (**ISNIN hingga JUMAAT**) termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum seperti yang dibenarkan oleh Pegawai Inden. Penyebut harga hendaklah **memprogramkan sistem kerja** (dari segi waktu, kelengkapan dan tenaga kerja yang terlibat) ke arah mengekal keselamatan khasnya pada waktu solat dan mengikut tempoh kontrak.

## 2.5 Tenaga Pekerja

Penyebut harga hendaklah menyediakan bilangan pekerja yang optima sebagaimana yang dinyatakan dalam Senarai Keperluan Minimum di tapak.

Penyebut harga hendaklah sentiasa memastikan bilangan pekerja yang cukup pada setiap masa setiap hari sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran. Sekiranya pekerjaanya cuti, penyebut harga perlu memaklumkan kepada penyelia dan menggantikan dengan pekerja lain supaya bilangan pekerja yang ditetapkan tidak berkurangan dan kerja harian dapat diteruskan.

Penyebut harga hendaklah mengambil pekerja-pekerja mengikut undang-undang buruh yang berkuatkuasa.

Penyebut harga hendaklah menyediakan polisi Insurans Pampasan Pekerja dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ke atas pekerjaanya.

## 2.6 Jadual Kerja

Program Sistem Kerja adalah Jadual Kerja yang mengandungi cadangan kerja-kerja yang akan dijalankan secara **HARIAN, MINGGUAN**, dan sebagainya serta penyebut harga hendaklah berunding dengan pihak **Seksyen Pentadbiran, Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan** dan juga Pegawai Inden untuk melaksanakannya.

Jadual ini hendaklah di antara lain mengandungi maklumat mengenai **JENIS KERJA, WAKTU KERJA DIMULAKAN, TEMPOH DIJANGKA SIAP DAN BILANGAN PEKERJA** yang terlibat mengikut jenis-jenis kerja.

## 2.7 Kelengkapan Dan Peralatan

Penyebut harga dikehendaki dengan perbelanjaan sendiri menyediakan/ membekalkan semua tenaga pekerja berserta dengan kelengkapan, jentera kecil, peralatan dan pengangkutan yang diperlukan untuk membolehkan penyebut harga menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini dengan licin dan memuaskan.

Untuk memastikan kerja yang dijalankan tidak tergendala, penyebut harga hendaklah sentiasa sedia dengan kelengkapan, jentera, peralatan dan pengangkutan yang sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

## 2.8 Pengawasan Dan Pemeriksaan Kawasan (Penyelia)

Penyebut harga hendaklah melantik seorang wakil yang berkeelayakan membuat pemeriksaan dan penyeliaan sepenuh masa. Wakil tersebut mestilah seorang warganegara Malaysia.

Penyebut harga atau wakilnya, apabila dikehendaki hadir di Pejabat Pengurusan untuk memberi laporan kemajuan kerja dan menerima arahan Pegawai Inden mengenai kerja.

Penyebut harga adalah tertakluk kepada arahan untuk membuat pemeriksaan bersama untuk menilai mutu kerja.

## 2.9 Langkah-Langkah Keselamatan

Mempamerkan papan tanda pemberitahuan tentang kerja-kerja sedang dijalankan dan sebagainya.

Memasang perancah dan jaring keselamatan mencukupi agar kerja-kerja dapat dijalankan dengan sempurna dan selamat.

Meletakkan penghalang yang dibenarkan oleh Pegawai Inden di sekeliling kawasan kerja.

Memastikan kerja-kerja pembinaan tidak terkena kepada orang awam atau harta benda yang berdekatan.

## 2.10 Halangan Dan Gangguan

Penyebut harga atau pekerjaanya hendaklah sentiasa memastikan tiada atau menyebabkan halangan dan gangguan kepada orang awam di sekitar bangunan pejabat keluar masuk kawasan bukan tapak binaan semasa menjalankan kerja-kerja pembinaan.

## 2.11 Kebersihan

Memastikan keadaan keseluruhan dalam dan luar ruang kerja sentiasa bersih, bebas daripada habuk, kotoran dan sebagainya ketika kerja-kerja sedang dan selesai dijalankan.

Kerja-kerja pungutan sisa-sisa bahan terbuang hendaklah dilakukan pada **AWAL PAGI ATAU PADA MASA-MASA YANG SESUAI**.

Langkah-langkah penting hendaklah diambil agar sampah atau sisa bahan tidak bertaburan semasa kerja-kerja mengangkut atau pembuangan sampah dijalankan.

Sisa-sisa bahan perlu dibuang ke tempat yang diiktiraf oleh Pegawai Inden.

## **SPESIFIKASI PIAWAI**

### **1.0 Kerja-Kerja Bangunan**

*– Standard Specifications For Building Works 2021*

### **2.0 Kerja-Kerja Elektrikal**

*– Specification For Low Voltage Internal Electrical Installation (L-S1) (Rujuk Lampiran)*

## SPESIFIKASI ADDENDA

### 1.0 KEHENDAK AM

Spesifikasi tambahan ini hendaklah **dibaca** sama hubungan dengan spesifikasi piawai, lukisan-lukisan dan syarat-syarat kontrak.

Istilah spesifikasi yang digunakan adalah sama maksudnya dengan spesifikasi addenda dan spesifikasi piawai.

Sebarang percanggahan yang timbul di antara spesifikasi addenda dan spesifikasi piawai dan/atau lukisan kontrak dan/atau syarat-syarat kontrak, perkara-perkara dibawah hendaklah digunakan.

- (a) Syarat-syarat kontrak adalah lebih diutamakan dari lain-lain dokumen yang menjadi sebahagian daripada kontrak ini.
- (b) Spesifikasi addenda adalah lebih diutamakan dari dokumen lain didalam kontrak melainkan syarat-syarat kontrak.
- (c) Lukisan-lukisan kontrak adalah lebih diutamakan daripada spesifikasi piawai.
- (d) Di dalam lukisan kontrak, lukisan butiran berskala besar adalah lebih diutamakan dari lukisan butiran berskala kecil.

### 2.0 LOKASI TAPAK KERJA/PEMERIKSAAN TAPAK

Lokasi tapak terletak di **Kerja-Kerja Pembaikan Dan Ubah Suai Ruang di Pejabat Menteri Kewangan II, Aras 11, Bangunan Perbendaharaan Malaysia.**

### 3.0 GAMBAR FOTO KEMAJUAN KERJA

Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar kemajuan kerja sepanjang tempoh kontrak sepertimana yang diarahkan oleh Pegawai Inden. Gambar-gambar tersebut tidak boleh diedarkan kecuali dengan kelulusan secara bertulis dari pihak **Perbendaharaan Malaysia.**

Gambar-gambar kemajuan kerja mestilah merangkumi sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja dijalankan.

### 4.0 JADUAL PELAKSANAAN KERJA (CPM – *CRITICAL PATH METHOD*)

Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada Pegawai Inden dua (2) salinan Program Kerja dalam aliran CPM (*Critical Path Method*) untuk kelulusan dalam masa 2 minggu selepas penerimaan Surat Pemberitahuan dan Inden Kerja dikeluarkan. CPM merupakan satu perancangan kerja yang lengkap, cara bagaimana Kontraktor merancang untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kerja mengikut masa yang telah

ditetapkan. Kontraktor hendaklah pada bila-bila masa yang diperlukan oleh Pegawai Inden memberi butiran-butiran secara bertulis mengenai perkiraannya bagi melaksanakan kerja-kerja, loji pembinaan dan kerja-kerja sementara, jika ada berniat membekal, mengguna atau membina yang mana berkenaan. Penyerahan program kerja dan butiran-butiran kepada Pegawai Inden untuk kelulusan, tidak melepaskan kontraktor daripada mana-mana kewajipan atau tanggungjawab di bawah kontrak ini.

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Program Kerja – CPM yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Mengandungi tiga elemen asas perancangan, peristiwa penting, tugas, atau aktiviti-aktiviti dan hubungan di antara aktiviti.
- (b) Dilengkapi dengan "*milestone* permulaan" dan "*milestone* siap".
- (c) Dilengkapi dengan "*tarikh milestone* permulaan" dan "*tarikh milestone* siap".
- (d) Semua kerja dan aktiviti-aktiviti hendaklah dihubungkan dengan kedua-dua elemen "*predecessor*" dan "*successor*".
- (e) Kontraktor boleh mengemukakan Program Kerja sama ada dalam bentuk format program PERT atau Gantt.
- (f) Perhubungan antara satu-satu aktiviti yang diluluskan boleh dimulakan dari "*finish to start*", "*start to start*", "*finish to finish*" dan "*start to finish*".
- (g) Perlu dimasukkan sumber jentera dan tenaga kerja yang dicadangkan untuk menjalankan kerja-kerja, contohnya untuk pekerja am (2) jika "pekerja am" adalah jenis sumber dan kuantiti yang dicadangkan adalah (2) bilangan.
- (h) Program Kerja hendaklah dilengkapi dengan maklumat kewangan iaitu seperti kos di dalam sebut harga. Sekiranya sebut harga adalah pukal, kontraktor perlu untuk membuat pecahan kos sebut harga, kerja, aktiviti, nilai yang diluluskan oleh Pegawai Inden.
- (i) Program Kerja mesti menunjukkan dengan jelas semua cuti-cuti umum dan cuti-cuti lain di sepanjang tempoh kontrak. Cuti-Cuti yang dipilih diekstrak melalui kalendar.
- (j) Program ini mesti dilengkapi perincian perancangan kerja (*Works Breakdown Structure – WBS*), yang diluluskan oleh Pegawai Inden.
- (k) Program Kerja hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Inden dalam bentuk cetakan berwarna dan dilabelkan.
- (l) Kontraktor perlu mengemukakan lima (5) salinan program kerja (berwarna) yang telah diluluskan kepada Pegawai Inden atau mengikut seperti di dalam Ringkasan Sebut Harga jika dinyatakan.

- (m) Program Kerja yang dihantar dalam cakera padat (*softcopy*) hendaklah dibuat sebagai *baseline*, melainkan jika mendapat kelulusan daripada Pegawai Inden atau wakilnya.

Jika pada bila-bila masa Pegawai Inden mendapati bahawa kemajuan kerja sebenar tidak menepati Program Kerja yang diluluskan sebagaimana yang disebutkan di atas, Kontraktor hendaklah mengemukakan, atas permintaan Pegawai Inden, suatu pindaan Program Kerja yang menunjukkan perubahan kerja yang perlu kepada perancangan yang diluluskan bagi menjamin semua kerja-kerja siap dalam tempoh masa penyiapan yang diperuntukkan.

## **5.0 AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969**

Sekalipun terdapat apa-apa maklumat bertentangan terkandung di dalam mana-mana Dokumen Kontrak, pihak Kontraktor mestilah mengarahkan semua Subkontraktor samada telah dilantik atau sebaliknya untuk mematuhi keperluan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Kontraktor mestilah bertanggungjawab untuk menyerahkan kepada Pegawai Inden samada diminta atau tidak, nombor-nombor kod pekerja dari Subkontraktor dan nombor-nombor Keselamatan Sosial, atau Lampiran Borang 2 atau 3, jika nombor-nombor Keselamatan Sosial tersebut belum lagi dapat diperolehi daripada pekerja-pekerja yang bekerja dengan mereka.

## **6.0 MESYUARAT TAPAK**

Kontraktor hendaklah sentiasa mengadakan mesyuarat-mesyuarat sesama sendiri, sesama Subkontraktor yang terlibat, Pelanggan dan Pegawai Inden bagi tempoh pelaksanaan projek. Mesyuarat hendaklah diadakan ditempat yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Bilangan mesyuarat yang diadakan bergantung kepada Kemajuan Kerja.

## **7.0 IKLAN**

Sebarang iklan atau keterangan tidak boleh dipamerkan di tapak bina atau lain-lain tempat tanpa kelulusan secara bertulis daripada Pegawai Inden.

## **8.0 KENYATAAN AKHBAR**

Pihak Kontraktor, pekerjaanya atau wakilnya tidak dibenarkan membuat kenyataan akhbar atau keterangan yang boleh memburukkan pihak Kerajaan, Pegawai Inden dan kakitangannya. Kontraktor juga tidak dibenarkan memberi sebarang maklumat kepada pihak awam mengenai perihal Kontrak ini sebelum atau sesudah kerja disiapkan.

## **9.0 KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN TAPAK KERJA**

Tapak kerja hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih pada setiap masa. Langkah-langkah keselamatan termasuk menyediakan papan tanda petunjuk/amaran hendaklah sentiasa diadakan bagi mencegah apa-apa kemalangan

yang mungkin berlaku dan membahayakan orang awam dan pekerja pejabat.

#### **10.0 CARA PEMBERSIHAN SETELAH SIAP KERJA**

Kontraktor adalah bertanggungjawab membersihkan tapak pada sepanjang masa kerja pembinaan dijalankan serta membuang semua sampah sarap dan kerja-kerja yang telah dirobuhkan seperti diarah oleh Pegawai Inden.

#### **11.0 PENYEDIAAN / PENGAWASAN KERJA**

Kontraktor hendaklah mengadakan seorang penyelia kerja di tapak kerja pada setiap masa bekerja. Ini adalah bagi memudahkan Pegawai Inden memberikan arahan dan teguran berhubung dengan mutu kerja berkenaan.

#### **12.0 KECACATAN TERHADAP KERJA-KERJA SEDIA ADA**

Sebelum memulakan kerja, Kontraktor perlu memastikan semua kelengkapan/utiliti di dalam kawasan kerja, dinding, siling, lantai, tiang, perabot dan sebagainya dikenalpasti bagi mengelakkan kerosakan kepada paip, kabel, wayar dan sebagainya. Kontraktor perlu membuat pengalihan, penamatan atau menutup sementara sekiranya perlu kepada kelengkapan/utiliti tersebut dan memastikan gangguan seminima mungkin kepada penghuni asal/bersebelahan dengan kawasan kerja tersebut.

Kontraktor adalah dinasihatkan supaya tidak merosakkan kerja-kerja yang sedia ada. Kontraktor hendaklah mengambil segala langkah untuk memelihara semua kerja-kerja sedia ada dan akan bertanggungjawab ke atas kerosakan yang berlaku semasa kerja-kerja ubahsuai sedang dijalankan dan akan memelihara, membaiki dan mengembalikan kepada keadaan asal atau akan membiayai kos memelihara dan memulihkan semula dengan memotong bayaran kepada kontraktor.

#### **13.0 KAWALAN KESELAMATAN**

Kontraktor hendaklah mengadakan semua pengawasan dan pemasangan lampu-lampu yang perlu pada setiap masa untuk keseluruhan tempoh kerja. Kontraktor Induk hendaklah bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan di dalam bangunan dan termasuk di tapak dari hari berjalannya kerja-kerja di tapak sehingga penyerahan tapak kepada pihak pelanggan.

#### **14.0 PENYIAPAN KERJA**

Pengukuran akhir akan dibuat apabila kerja-kerja telah disahkan dan menerima laporan siap kerja dari pihak kontraktor. Bayaran akan dibuat tertakluk pada kerja-kerja yang memuaskan dan diluluskan oleh Pegawai Inden.

Perakuan Siap Kerja hanya akan dikeluarkan selepas semua **Sijil Jaminan** bahan binaan yang berkaitan dikemukakan dan diluluskan kepada Pegawai Inden. Denda Lewat akan dikenakan ke atas kontraktor sehingga semua sijil-sijil jaminan berkaitan diterima secara bertulis.

## 15.0 SIJIL JAMINAN KERJA

Kontraktor dikehendaki memberikan sijil/surat tempoh jaminan kerja (*warranty period*) asal yang sah daripada pembekal-pembekal dan *applicator* yang menyatakan tempoh jaminan untuk kerja-kerja yang terlibat.

## 16.0 BON PELAKSANAAN

Bon Pelaksanaan hendaklah dikenakan bagi kerja yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00. Kontraktor dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 2.5% dari harga kontrak. Sekiranya kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan bagi kontrak kerja, kaedah WJP hendaklah digunapakai. Bon ini hanya akan dikembalikan apabila Tamat Tempoh Kontrak dan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP).

## 17.0 BAHAN

Kontraktor adalah diwajibkan menggunakan bahan/barang yang disenaraikan di dalam EMAL (*Electrical Material Approval List*) yang boleh diakses melalui Web JKR di <http://ict01.jkr.gov.my/emal> atau yang telah dinyatakan dalam jadual kadar harga. Senarai kelulusan/barangan berdaftar di dalam laman Web EMAL (*Electrical Material Approval List*) mengandungi butiran berkenaan pembekal, jenama dan model-model yang berdaftar. Bagi bahan/barangan yang tidak disenaraikan, juga boleh dipertimbangkan dan tertakluk kepada kelulusan Pegawai Inden.

Pembentangan Bahan Binaan:

Kerja-kerja pembentangan bahan-bahan/peralatan elektrik dan lain-lain kepada Pegawai Inden untuk kelulusan hendaklah dibuat sebelum kerja-kerja pemasangan bahan-bahan/peralatan elektrik dilakukan.

Kerja-Kerja *Mock-Up*:

Pihak kontraktor diminta untuk menyediakan kerja-kerja *mock-up* untuk kelulusan/pemeriksaan Pegawai Inden jika diperlukan.

## 18.0 SKOP KERJA

Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja dan semua peralatan yang diperlukan dalam melaksanakan semua skop kerja **yang dinyatakan di Ringkasan Sebut Harga** di mana kosnya telah diambil kira dalam menghargakan. Semua kerja hendaklah mengikut arahan Pegawai Inden serta hendaklah berkualiti.

## 19.0 SELEPAS KERJA SIAP

**Lukisan Terbina Untuk Tujuan Pengukuran Semula Kuantiti dan Rekod Jabatan** Kontraktor hendaklah mengadakan untuk Pegawai Inden lukisan-lukisan terbina dan salinan dalam CD-ROM seperti yang dinyatakan di dalam ringkasan Sebut

Harga. Lukisan perlulah jelas, lengkap dengan butiran dan ditanda *As-Built* - Hak Milik Kerajaan dan bertandatangan oleh kontraktor utama bagi kerja-kerja yang disenaraikan di bawah dalam masa satu (1) minggu selepas kerja-kerja tersebut disiapkan.

**PERINGATAN:**

Kesemua lukisan terbina perlu dikemukakan kepada Pegawai Inden sebelum penyerahan bangunan/projek kepada pihak pelanggan.

## **20.0 KUANTITI SEMENTARA**

Kuantiti yang diberikan adalah **kuantiti sementara** (anggaran) sahaja yang hanya bertujuan memberi panduan kepada kontraktor untuk menghargakan sebutharga. Kuantiti sebenar akan diperolehi apabila **pengukuran semula** dibuat setelah kerja-kerja tersebut disiapkan. Bagaimanapun kontraktor hendaklah melawat ke tapak kerja sebelum menghargakan bagi memastikan sendiri kuantiti sebenar. Apa-apa tuntutan tambahan harga atau kadar yang mungkin timbul disebabkan tidak ada persamaan dengan kuantiti yang diberi tidak akan dilayan

## BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebutharga No: **PERB/BDSP/1/2025**

Post  
Bahagian Dasar Saraan Dan Pengurusan,  
Aras 3, Blok Selatan,  
Perbendaharaan Malaysia,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tuan,

Sebut harga untuk **KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN UBAH SUAI RUANG DI PEJABAT MENTERI KEWANGAN II, ARAS 11, BANGUNAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, Syarat-syarat Am Sebutharga, Spesifikasi Kerja, Spesifikasi Addenda dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:

.....  
.....  
(RM )

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa ..... tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.  
(Tempoh penyiapan inginan: 15 minggu).

Bertarikh pada ..... minggu dari tarikh akhir

.....  
Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh: .....  
No. K/P: .....  
Alamat: .....  
.....  
.....

Atas sifat: .....

.....  
Meteri atau Cop Kontraktor

.....  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh: .....  
No.K/P:.....  
Alamat:.....  
.....  
.....

### RINGKASAN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA:** KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN UBAH SUAI RUANG DI PEJABAT  
MENTERI KEWANGAN II, ARAS 11, BANGUNAN  
PERBENDAHARAAN MALAYSIA

**NO. SEBUT HARGA:** PERB/SH/1/2025

| ITEM | KETERANGAN                                       | DARI MUKA SURAT | JUMLAH (RM) |
|------|--------------------------------------------------|-----------------|-------------|
| 1.0  | KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM          | 32              |             |
| 2.0  | SENARAI KUANTITI KERJA AWAM                      | 34              |             |
| 3.0  | SENARAI KUANTITI KERJA ELEKTRIK                  | 37              |             |
| 4.0  | SENARAI KUANTITI KERJA MEKANIKAL                 | 38              |             |
|      | <b>JUMLAH DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM):</b> |                 |             |

**Catatan:**

Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu boleh difahamkan dengan munasabahnyanya dari dokumen Sebut Harga itu.

**Tandatangan Kontraktor:**

Nama Penuh:

Jawatan:

Cop Kontraktor:

**KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN UBAH SUAI RUANG DI PEJABAT MENTERI KEWANGAN II,  
ARAS 11, BANGUNAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**BILL 1 : KERJA-KERJA AWALAN**

*The preliminaries items as set out hereunder are deemed to apply to the whole of the Works all as shown on the Drawings and/or described in this Document and the Contractor shall allow for complying with the same and for any cost in connection therewith. Where any Item is left unpriced, It shall be deemed that the cost of such items have been allowed for elsewhere within the quotation and no subsequent claims arising such unpriced items shall be entertained.*

| BIL       | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                   | UNIT  | KUANTITI | HARGA<br>(RM) | JUMLAH<br>(RM) |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|----------|---------------|----------------|
| <b>1.</b> | <b>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM</b>                                                                                                                                                                                                            |       |          |               |                |
| a)        | Kerja-kerja permulaan mengikut spesifikasi am, spesifikasi tambahan dan syarat-syarat sebutharga termasuk menyediakan: Bon Perlaksanaan, Polisi Insuran Kerja, Polisi Insuran Tanggungan Awam, Pampasan Pekerja dan Nombor Pendaftaran Pekerja (PERKESO). | Pukal |          |               |                |
| b)        | Menyediakan papan tanda petunjuk / amaran serta lain-lain kelengkapan keselamatan termasuk melapik bahagian lantai dan lif serta menjaga kebersihan kawasan kerja.                                                                                        | Pukal |          |               |                |
| c)        | Menyediakan Laporan Kemajuan Kerja bersama gambar sebelum penyerahan projek.                                                                                                                                                                              | Pukal |          |               |                |
| d)        | Membersih dan mengemas tapak bina apabila kerja siap daripada bahan binaan dan segala bahan yang tidak diperlukan semasa dan selepas pembinaan termasuk penyediaan tong sampah (RORO Bin) sepanjang tempoh kerja dijalankan.                              | Pukal |          |               |                |
| e)        | Membuka, menanggalkan serta melupuskan segala aset alih seperti siling, karpet, meja mesyuarat dan lain-lain.                                                                                                                                             | Pukal |          |               |                |
| f)        | Katalog, Sample, Mock- Up and Testing.                                                                                                                                                                                                                    | Pukal |          |               |                |
| g)        | Menyediakan lukisan skematik bagi setiap sistem yang terlibat                                                                                                                                                                                             | Pukal |          |               |                |
| h)        | Menyerahkan lukisan siap bina ( <i>as-built drawing</i> ) setelah projek siap (CD & 3 set lukisan).                                                                                                                                                       | Pukal |          |               |                |
|           | <b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA :</b>                                                                                                                                                                                                           |       |          |               |                |

**BILL 2 : KERJA-KERJA UBAH SUAI**

| BIL        | PERKARA                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | UNIT           | KUANTITI | HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|----------|------------|-------------|
| <b>2.</b>  | <b>KERJA – KERJA AWAM</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                |          |            |             |
| <b>2.1</b> | <b>LANTAI</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                |          |            |             |
| a)         | Kerja-kerja membuang, menanggal dan membuka karpet lama dengan cermat dan mengikis / membersihkan sisa-sisa gam yang terdapat pada lantai sebelum kerja pemasangan karpet baharu dilakukan.                                                                                                                                                                                                                                                                                        | M <sup>2</sup> | 130      |            |             |
| b)         | Membekal dan memasang karpet jenis "Roll" yang baharu setara dengan mengikut spesifikasi berikut :<br><br>Construction : Level cut pile<br>Pile height : 9mm +/-<br>Pile weight : 36-46oz/yd <sup>2</sup><br>Underlay : PU Foam<br>Warranty : 10 tahun<br>Length : 50m<br>Fire Hazard : ASTM E-84 Tunnel Test<br>Classification GB 8624-2021 Fire Classification<br>Perfomance : Low-VOC materials, phthalate-free, no heavy<br>Features : metals or fomaldehyde and antimicrobial | M <sup>2</sup> | 130      |            |             |
| c)         | Membekal dan memasang "skirting" yang setara dan diletakkan pada kemasan lantai dengan ketinggian 100mm mengikut spesifikasi dan arahan daripada Pegawai Penguasa.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | M <sup>2</sup> | 60       |            |             |
| <b>2.2</b> | <b>DINDING</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                |          |            |             |
| a)         | Membekal dan memasang panel dinding berserta "steel strip" pada sebahagian panel dinding mengikut spesifikasi dan arahan daripada Pegawai Penguasa.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | M <sup>2</sup> | 100      |            |             |
| b)         | Membekal dan memasang kertas dinding dengan mengikut spesifikasi berikut :<br><i>Composition : Poly-cotton, Vinyl Surface</i><br><i>Weight : 15oz/ly, 340g/m<sup>2</sup></i><br><i>Backing : Fabric Backing</i>                                                                                                                                                                                                                                                                    | M <sup>2</sup> | 100      |            |             |
| <b>2.3</b> | <b>SILING</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                |          |            |             |
| a)         | Membekal dan memasang siling plaster yang terdiri daripada sistem penggantungan aluminium yang meliputi komponen L-Box , cornice dan ceiling access mengikut spesifikasi dan arahan daripada Pegawai Penguasa.                                                                                                                                                                                                                                                                     | M <sup>2</sup> | 130      |            |             |

|                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                |     |  |  |
|-------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|-----|--|--|
| b)                                              | Kerja-kerja mengecat satu lapisan asas dan dua lapisan akhir pada permukaan siling mengikut spesifikasi dan arahan daripada Pegawai Penguasa.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | M <sup>2</sup> | 130 |  |  |
| <b>2.4</b>                                      | <b>TINGKAP</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                |     |  |  |
| a)                                              | Membekal dan memasang filem penapis haba jenis R20 Silver (USA) <i>Window Film</i> mengikut spesifikasi berikut :<br><i>Thickness : 2 Mil</i><br><i>Color : Silver (out) / Silver (in)</i><br><i>Visible Light : 15% Transmittance</i><br><i>Ultraviolet Light : 99% Rejected</i><br><i>Glare reduction : 80%</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Bil.           | 28  |  |  |
